



شما MAIPk

PERCUMA

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK | BIL. 15 • EDISI KETIGA • 2014



Lantikan Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid Bin Mohd Noordin

Sebagai Yang DiPertua MAIPk

NGO Islam Diperkasa,
Anak Yatim
Disantuni

MAIPk Menyantuni
Mangsa-mangsa Banjir



Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Paholima Bulot Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan
Tel: 05-208 4000 • Faks: 05-241 4257 • E-mel: korporat@maipk.gov.my

Sudut Editor

SIDANG REDAKSI

Penasihat:

Dr. Amiruddin bin Muhammed

Ketua Editor :

En. Wan Abdul Halim Hafizd b. Mohd Amin

Editor :

En. Mohd Syakirin bin Jalaludin

Jurufoto :

En. Khairil Anuar bin Mohd Mokhtar

En. Mohd Sharizal bin Mat Sah

Edaran :

Unit Perhubungan Korporat

Diterbitkan oleh:

Unit Perhubungan Korporat

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan

30000 Ipoh, Perak.

Tel: 05-2084000

Faks: 05-2414257

Laman web :

www.maiamp.gov.my

Emel :

korporat@maiamp.gov.my

Facebook :

Zakat Perak - MAIPk

© Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sama ada lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Wadah MAIPk. Sidang Editor mengalu-alukan sebarang artikel dan penulisan yang bermanfaat. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya.

Kandungan

SEMASA **3-10**

MEDIA **11**

BERITA SANA SINI **12-13**

INFO KESIHATAN **14-15**

PELBAGAI **16**



DARI MEJA KETUA **EDITOR**

Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Ilahi kerana kita diberi kekuatan dan keupayaan untuk meneruskan tugas dan tanggungjawab sebagai khalifah di atas muka bumi ini. Salam dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW., penghulu segala nabi, keluarga baginda serta para sahabat.

Kerajaan Persekutuan telah mencadangkan pelaksanaan Cukai Barang atau Perkhidmatan (CBP) atau *Goods and Service Tax (GST)* pada pembentangan Bajet 2014 yang dilaksanakan mulai 01 April 2015. Cukai ini dikenakan ke atas bekalan barang dan perkhidmatan di setiap peringkat rantai bekalan daripada pembekal sehingga peringkat peruncit.

MAIPk tidak terkecuali terlibat secara langsung dengan pelaksanaan CBP. Ini disebabkan MAIPk terlibat dalam aspek perkhidmatan serta perbekalan bagi pembangunan sosio ekonomi ummah. Pihak MAIPk kini sedang membuat persiapan rapi menghadapi pelaksanaan CBP agar impaknya tidak terasa oleh para *stakeholder* MAIPk terutamanya melibatkan para asnaf. Kebajikan para asnaf tetap terpelihara walaupun CBP dilaksanakan. Mudah-mudahan Negara Malaysia amnya dan Negeri Perak khususnya terus makmur dan sejahtera di bawah lindungan Ilahi agar kebijakan para asnaf terus terpelihara.

Sekian, terima kasih.

WAN ABDUL HALIM HAFIIDZ BIN MOHD AMIN

Tahniah

Sidang Redaksi Wadah MAIPk menzahirkan penghargaan kepada YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin di atas pelantikan beliau sebagai Yang Dipertua Majlis yang baru.

LANTIKAN YANG DIPERTUA DAN ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK



Menteri Besar Perak dan Pegawai Kewangan Negeri hadir ke Istana Kinta



Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid menerima watikah sebagai Yang Dipertua MAIPk daripada DYMM Sultan Perak

IPOH – Satu Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Yang Dipertua dan seorong Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) yang baharu telah diadakan pada 12 September 2014 di Istana Kinta, Ipoh pada jam 11.30 pagi. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, berpandukan seksyen 11 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 telah berkenan melantik YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin sebagai Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) dan YABhg. Dato' Seri Ismail bin Shahudin serta YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Dr. Nordin bin Kardi, Rektor Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah sebagai Anggota MAIPk.

Turut hadir menyaksikan istiadat tersebut pada majlis tersebut ialah YAB. Menteri Besar Perak, YABhg. Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, YB. Pegawai Kewangan Negeri Perak, Sahibus Samahah Mufti Negeri Perak, YAA. Ketua Hakim Syarie Negeri Perak, YBhg. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak dan YBhg. Setiausaha MAIPk.

Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid dilahirkan di Taiping Perak, berkelulusan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Universiti Malaya, Sarjana dari Stanford University dan Doktor Falsafah dari University of California, Berkeley; serta pernah mengikuti Advanced Management Program di Harvard Business School. Beliau memegang pelbagai jawatan di Kementerian Pendidikan sebelum bersara daripada perkhidmatan awam pada tahun 1996 ketika menyandang jawatan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia. Pada tahun 2009, beliau telah dianugerahkan Anugerah Tokoh Maal Hijrah Negeri Perak. Beliau diperkenankan lantikan oleh Duli



Tan Sri Dato' Prof. Dr. Nordin menerima watikah sebagai Anggota MAIPk daripada DYMM Sultan Perak

Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak sebagai Ahli MAIPk mulai tahun 2010.

Ketika ini beliau adalah Pengurus Lembaga Universiti Teknologi MARA, Pengurus Lembaga Penasihat Akademik Pengajian Tinggi dan Pengurus Kolej Teknologi dan Pengurusan Lanjutan Sendirian Berhad. Beliau juga ketika ini memegang jawatan Pengarah SimeDarby Berhad, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, PNB Capital Holding Berhad dan Amanah Mutual Berhad.

MAIPk Menyantuni Mangsa-Mangsa Banjir

Kuala Kangsar (26 Disember 2014)



Lawatan Yang Dipertua MAIPk (27 Disember 2014)



Perak Tengah (28 Disember 2014)



NGO ISLAM DIPERKASA, ANAK YATIM DISANTUNI



IPOH – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak telah menganjurkan Majlis Penyampaian Bantuan Anak Yatim dan Sumbangan Kepada Organisasi-Organisasi Bukan Kerajaan (NGOs) Islam Negeri Perak bertempat di Mydin Mall, Meru, Ipoh pada 24 Disember 2014. Majlis tersebut telah dimulakan dengan nyanyian lagu nasyid oleh anak-anak yatim daripada rumah anak yatim Gerik. Majlis diteruskan dengan ucapan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin bin Muhammed.

MAIPk telah menyerahkan RM240 ribu kepada Rumah-Rumah Pertubuhan Anak Yatim seluruh Negeri Perak, NGOs Islam Negeri Perak menerima RM112 ribu dan Anak-Anak Yatim menerima RM160 ribu bagi tujuan pembelian kelengkapan barang persekolahan.



Dalam majlis yang diadakan itu, MAIPk telah menyerahkan RM240 ribu kepada Rumah-Rumah Pertubuhan Anak Yatim seluruh Negeri Perak, NGOs Islam Negeri Perak menerima RM112 ribu dan Anak-Anak Yatim menerima RM160 ribu bagi tujuan pembelian kelengkapan barang persekolahan. Dana agihan ini diperuntukkan di bawah Asnaf Fisabilillah. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Puan Hajah Maizura



binti Haji Wan Zahari dan Pengurus Besar Zakat MAIPk, Ustaz Bakri bin Lee. Selepas sempurnanya majlis tersebut, Pengurusan Majlis diketuai Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk menyantuni anak-anak yatim membeli pakaian persekolahan di Mydin, Meru, Ipoh.



ZIARAH ASNAF

Bersama Pembayar Zakat Korporat Dan Media



IPOH – Dalam usaha memperkasa penyebaran maklumat agihan zakat kepada pembayar zakat, satu pendekatan dilaksanakan melalui Program Ziarah Asraf Bersama Pembayar Zakat Korporat Dan Media 2014 telah dianjurkan oleh Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) pada 9 Disember 2014. Pembayar Zakat Korporat terdiri daripada syarikat-syarikat saban tahun membayar jumlah zakat yang tinggi kepada pihak MAIPk.

Program tersebut bermula di Perumahan Baitul Iradah, Kampung Ara Payung, Batu Gajah. Baitul Iradah merupakan perkampungan asraf yang terpilih dibina melalui Skim Bantuan Bina Rumah MAIPk. Baitul Iradah menempatkan 11 buah rumah yang didirikan atas tanah wakaf am berkeluasaan 30 ekar. Peserta yang terpilih terdiri daripada asraf Fakir dan Miskin yang tiada rumah.

Seterusnya rombongan ini meneruskan ziarah ke kedai Muslimah Beauty & SPA bertempat di Taman Song Choon, Ipoh. Pengusaha kedai ini iaitu Puan Syarifah Juaidah binti Syed Idrus Al-Jamalullail menerima Bantuan Modal MAIPk. Muslimah Beauty & SPA menawarkan pelbagai rawatan dan pakej rawatan serta menyediakan pakej perkhidmatan urutan dan penjagaan wanita lepas bersalin dari rumah ke rumah.



merupakan satu-satunya Sekolah Agama Rakyat untuk Orang Asli di Perak. Sekolah ini merupakan salah sebuah sekolah yang menerima bantuan Skim Bantuan Pendidikan bagi menguruskan perjalanan dan pentadbiran sekolah.

Program ziarah ini berakhir di Kampung Orang Asli (KOA) Landap, Jalong Tinggi, Sungai Siput. KOA ini menerima bantuan tujuh biji rumah daripada pihak MAIPk di bawah asraf Muallaf bagi meningkat meningkatkan taraf kehidupan sebahagian masyarakat orang asli.



Rombongan dibawa pula ke Pusat Rawatan Hemodialisis, Hospital Ar-Ridzuan, Greentown, Ipoh yang menempatkan pesakit yang menerima Skim Bantuan Perubatan MAIPk. Pada kesempatan ini, pembayar zakat beramah mesra di samping menyampaikan sumbangan kepada para pesakit. Kemudiannya rombongan dibawa ke Sekolah Agama Rakyat (Orang Asli) Kg. Sungai Kenang, Sungai Siput yang

Diharapkan melalui usaha ini dapat menyemarak semangat para pembayar zakat untuk terus menunaikan tanggungjawab agar jumlah pungutan zakat di Perak akan sentiasa bertambah dari semasa ke semasa demi membangunkan ummah bersama.

Jejak Asnaf Di Gerik

23 September 2014



- Program ini diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk.
- Lokasi di Felda Bersia, Kg. Plang, Kg. Ulu Kenderong, Kg. Padang Kunyt dan Kg. Kenayat, Gerik.

Jejak Asnaf Di Beruas

03 November 2014



- Lapan keluarga yang tinggal sekitar Batu Hampar, Kg. Che Pute, Bt. 36 Jalan Setiawan, Kg. Para Aya, Kg. Tualang dan Kg. Dendang.
- Turut menyempurnakan program ini ialah Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk dan Pengurus Besar Bahagian Zakat.

Semasa

Jejak Asnaf Di Selama

26 November 2014



- Tujuh keluarga yang tinggal sekitar mukim Ijok menerima bantuan barang dapur dan wang tunai.
- Fokus program ini untuk permohonan bantuan baik pulih, bina rumah dan bantuan modal.

Jejak Asnaf Di Kuala Kangsar

27 November 2014



- Enam keluarga yang tinggal di tiga mukim iaitu Mukim Kota Lamar Kiri, Sayong dan Senggang diziarahi dan disantuni.
- Fokus program ini untuk permohonan bantuan baik pulih, bina rumah dan bantuan modal.
- Kolej Komuniti Sungai Siput turut membantu penerima bantuan dengan melakukan aktiviti gotong royong membersihkan rumah penerima bantuan.

Skuad Prihatin Asnaf Maipk SANTUNI UMMAH

Jejaki asnaf untuk bantuan bina rumah



Bantuan segera untuk mangsa ribut



Rawatan Perubatan adik Jasmin Nur bt.Ahmad Nazri



Rumah rosak ditimpa pokok



MAIPk Membina Kerjasama Dengan *Technology Park Malaysia* Bagi Meningkatkan Taraf Kemahiran Anak-Anak Asnaf

IPOH – Pada 30 November 2014 bertempat di Bilik Mesyuarat, Tingkat 2, Kompleks Islam Darul Ridzuan telah berlangsungnya satu Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman di antara pihak Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin bin Muhammed dengan pihak Technology Park Malaysia (TPM) yang diwakili oleh Encik Zulkifli bin Fitri. Kerjasama ini dibuat bagi meningkatkan taraf kemahiran untuk anak-anak asnaf yang terpilih. Anak-anak asnaf akan menjalani Kursus Teknologi Kimpalan Tahap 1G hingga 6G di TPM, Bukit Jalil, Kuala Lumpur bagi tempoh enam bulan yang dibiayai sepenuhnya oleh pihak MAIPk. Anak-anak asnaf akan diberi sijil dan seterusnya terlibat dengan bidang berkaitan yang memberi pendapatan memuaskan. Semoga dengan kerjasama ini dapat membantu anak-anak asnaf untuk terus berusaha gigih mengeluarkan diri dan keluarga mereka daripada kumpulan penerima zakat.



PERBINCANGAN PERSEMPADANAN MASJID-MASJID DAERAH IPOH

IPOH – Pada 10 September 2014 telah diadakan perbincangan mengenai persempadan masjid-masjid Daerah Ipoh di Kompleks Islam Darul Ridzuan. Perbincangan ini melibatkan Pengurus dan Setiausaha Jawatankuasa Kariah Masjid-Masjid Daerah Ipoh. Perbincangan ini dibuat bagi mengenal pasti sempadan suatu masjid yang merangkumi kawasan tempat tinggal. Masyarakat Islam di suatu kawasan dapat mengetahui masjid yang berkaitan dengan mereka bagi memudahkan urusan-urusan yang berkaitan dengan masjid. Sempadan-sempadan masjid yang dikenalpasti akan dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa bagi mendapat perakuan sebelum dipaparkan kepada masyarakat. Semoga dengan usaha ini dapat memberi banyak maslahah kepada masyarakat serta menjadikan masjid sebagai pusat utama aktiviti kemasyarakatan.



MAIPk Di Media

Wadah

Sana-Sini



Forum Perdana bertajuk "Zakat: Adakah Aku Yang Bersyukur, Atau Aku Yang Kufur?" anjuran Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan kerjasama MAIPk dan Jawatankuasa Keselamatan Kampung Bukit Bertam telah diadakan pada 6 September 2014 di Padang Bola, Kampung Bukit Bertam, Batu Kurau



MAIPk membuka Kaunter Khidmat Pelanggan sempena program Teluk Intan 'Bike Week' 2014 yang bermula pada 12 - 15 September 2014 bertempat di Dataran Padang Speedy, Teluk Intan



Penyerahan Zakat Perniagaan oleh wakil Global Maritime Ventures kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk pada 19 September 2014



Lawatan Belajar Pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh pada 30 September 2014



Penyerahan Zakat Perniagaan PNMB Perak kepada MAIPk pada 13 Oktober 2014



Penyerahan Zakat Perniagaan oleh wakil Tabung Haji Negeri Perak kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk pada 10 November 2014



Majlis Penyerahan Dua (2) Buah Kenderaan Pacuan 4 Roda oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk untuk kegunaan Mubaligh Zon Hulu Perak dan Tengah pada 07 November 2014



Penyerahan Zakat Perniagaan oleh wakil Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk pada 12 November 2014



Majlis Penyampaian Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal MAIPk 2014 oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk pada 18 November 2014



Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan MAIPk pada 21 November 2014



MAIPk menganjurkan Program Motivasi Pemantapan Akhlak 2014 untuk anak-anak asnaf Daerah Manjung pada 21 – 23 November 2014 di D'Amir Chalet, Ayer Tawar, Perak



Penyampaian Sumbangan Untuk Mangsa Bencana Banjir Dari Pihak Masjid Negara pada 23 Disember 2014


Uterine Fibroid: KETUMBUHAN YANG BUKAN KANSER PADA RAHIM

Seorang wanita dalam lingkungan usia 40-an sering kali didatangi masalah haid yang agak banyak dan berpanjangan, doktor yang merawat telah melakukan ujian *ultrasound* dan mendapati wanita ini mempunyai *uterine fibroid* pada rahimnya. Pasti dia akan tertanya-tanya apakah yang dimaksudkan *uterine fibroid*.

Uterine fibroid atau *fibroid* adalah ketumbuhan yang bersifat tidak merbahaya yang berasal dari otot tidak berjalur ("smooth muscle") dan tisu gentian di dalam rahim (*uterus*). Ia merupakan ketumbuhan yang sering kali menyerang wanita tanpa mengira peringkat umur, sama ada masih muda remaja atau sudah menghampiri putus haid. Golongan wanita yang reproduktif adalah kumpulan yang terbesar mengalami masalah *uterine fibroid*. Mengikut anggaran, 10-15% wanita dalam lingkungan usia 25-64 tahun terpaksa menjalani pembedahan mengeluarkan rahim mereka disebabkan *uterine fibroid*.

Uterine fibroid boleh dikatakan ketumbuhan rahim yang bersifat senyap dan pada amnya tidak menimbulkan masalah kepada wanita. Malahan, ada wanita yang tidak mengetahui mereka menghidapi ketumbuhan rahim ini. Mengikut kajian, mereka yang berumur melebihi 35 tahun didapati kerap mengalami masalah *uterine fibroid*. Risiko wanita untuk menghidapi *uterine fibroid* meningkat jika terdapat ahli keluarga yang terdekat seperti ibu atau adik-beradik perempuan yang juga menghidap masalah *uterine fibroid*. Kegemukan dan kemandulan juga menjurus kepada penemuan *uterine fibroid* melalui pemeriksaan. Walau bagaimanapun, punca utama yang menyebabkan berlakunya masalah *uterine fibroid* masih tidak diketahui dalam dunia perubatan moden. Ia berkait rapat dengan kehadiran hormon wanita iaitu *estrogen* dan *progesteron* yang dirembeskan setiap bulan oleh kilang telur atau ovarи.

Oleh kerana *uterine fibroid* ini bersifat *benign* atau bukan kanser, ramai dikalangan wanita tidak mengetahui mereka mengalaminya sehingga diperiksa oleh doktor dengan lanjut. Mengikut anggaran, lebih kurang 50% wanita tidak mengetahui mereka mengalami masalah ini kerana tiada simptom atau masalah yang timbul. Manakala 30% wanita yang mempunyai *uterine fibroid* mengalami masalah pengeluaran darah haid yang lebih banyak dan kadang kala disertai masalah senggugut. Mereka akan mengalami masalah keputusan akibat kekurangan darah dan berkemungkinan memerlukan pemindahan darah. Tidak semua wanita



Gambar Hiasan

yang mempunyai *uterine fibroid* akan merasai kehadiran ketumbuhan tersebut melainkan ia menyebabkan kebuncitan pada bahagian perut. Dianggarkan 20-50% wanita yang akan merasai ketumbuhan ini membesar dan mungkin juga mengalami masalah sekatan pada pundi kencing dan sembelit.

Melalui pemeriksaan fizikal oleh doktor, kadang kala ia boleh dikesan jika ada ketulan pada bahagian perut. Ada juga *uterine fibroid* yang hadir pada pangkal rahim atau servik yang hanya boleh dilihat melalui pemeriksaan pada faraj. Untuk mengetahui lebih lanjut, seringkali wanita disyorkan melakukan ujian imbasan ultrabunyi atau lebih dikenali dengan *ultrasound scan*. Ujian ini banyak membantu para doktor untuk mengenalpasti kedudukan dan saiz *uterine fibroid*. Ada wanita yang hanya mempunyai satu ketulan *fibroid* tetapi ada wanita yang mempunyai berketul-ketul *fibroid* dengan pelbagai saiz dalam satu rahim! Lazimnya lebih banyak *uterine fibroid* yang ditemui, saiz rahim juga



Gambar Hiasan

bertambah dan ini menyebabkan permukaan dalam rahim bertambah. Inilah yang menyebabkan perdarahan haid lebih banyak dari biasa dialami wanita.

Ujian darah mungkin diperlukan jika wanita yang mengalami *uterine fibroid* mengalami gejala *anaemia* (kurang darah) atau perdarahan haid yang banyak serta biterusan. Kadangkala, mereka memerlukan ujian seperti *hysteroscopy* jika disyakki kehadiran *uterine fibroid* dalam ruang dalam rahim atau *MRI (Magnetic Resonance Imaging)* iaitu imbasan dengan menggunakan daya magnet di mana ketumbuhan akan dikesan dengan lebih teliti sebelum rawatan lanjut.

Mereka yang tidak mengalami apa-apa simptom yang berkaitan dengan *uterine fibroid* tidak perlu risau dan tidak memerlukan apa-apa perawatan. Lazimnya pakar sakit puan akan meminta mereka datang untuk pemeriksaan berkala untuk mengenalpasti simptom-simptom berkaitan yang mungkin timbul dan melakukan ujian imbasan ultrabunyi untuk memantau saiz *uterine fibroid*.

Perawatan sama ada secara perubatan ataupembedaan adalah perlu apabila timbul simptom-simptom yang signifikan (seperti kehilangan darah haid yang banyak atau senggugut), fibroid membesar dengan mendadak, masalah kemandulan atau berlaku komplikasi semasa kehamilan yang lalu yang disebabkan oleh *uterine fibroid*. Ubatan yang sering diberi bersifat sementara dan mengurangkan masalah haid yang dialami. Oleh itu, mereka yang mengalami *uterine fibroid* yang besar atau mengalami gejala yang serius disarankan melakukan pembedahan untuk mengeluarkan *fibroid*. Bagi wanita yang telah menghampiri usia menopaus, pembedahan mengeluarkan rahim adalah salah satu perawatan yang sering diberikan.



Gambar Hiasan

Oleh kerana *fibroid* ini bersifat bukan kanser, ia akan mengecut pada mereka yang mengalami putus haid atau *menopaus*. Ini kerana kilang telur akan berhenti merembeskan hormon. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang mempunyai *fibroid* yang besar, proses pengecutan *fibroid* akan mengambil tempoh yang lama selepas *menopaus*. Walau apa pun cara rawatan yang diberikan, perbincangan lanjut bersama pakar sakit puan yang merawat adalah sangat penting untuk menambahkan pengetahuan serta memahami dengan lebih mendalam masalah yang dihadapi.



BIODATA PAKAR SAKIT PUAN & PERBIDANAN KUMPULAN PERUBATAN AR RIDZUAN

Dr Maizun binti Ishak

Dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan dan dibesarkan di Kedah.

Lulusan (siswazah): MD dari UKM tahun 1999.

Lulusan (pasca-siswazah): Master in Medicine (O&G) dari USM tahun 2006.

Jawatan sekarang: Pakar & Perunding Sakit Puan & Perbidanan (O&G) di Pusat Perubatan Ar Ridzuan.

Pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Hospital USM Kubang Kerian dan Universiti Kuala Lumpur Royal College of Medicine Perak.

مايد مايد

Pelbagai

Kelas Antenatal II

Pusat Perubatan AR-RIDZUAN

SIAPA YANG PERLU HADIR :

- Ibu hamil
- Pasangan yang baru berkahwin
- Individu yang ingin memambah pengetahuan

ANTARA TOPIK YANG AKAN DI BINCANGKAN IALAH :

- Manfaat penyusuan dan teknik yang betul
- Demonstrasi mandikan bayi & penjagaan pusat
- Praktikal cara tahnih, azan, iqamat & cara membersihkan urin dengan betul
- Penjagaan ibu selepas besalin

PENYERTAAN ADALAH TERBUKA KEPADA SEMUA

Masa:
8.30 pagi - 11.00 pagi

Lokasi:
Pusat Perubatan Ar Ridzuan

Tarikh:

- 15 Februari 2015
- 19 April 2015
- 18 Ogos 2015
- 18 Oktober 2015
- 20 Disember 2015

* Tarikh adalah tetap pada Pindao

A-1, GreenTown Suria
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
Tel: 05-242 1111 Fax: 05-241 1110
email: info@arridzuan.com

Hubungi Kami untuk maklumat lanjut:
Ar-Ridzuan : 05 - 242 1111
Zuraida : 017 - 499 1362
Harizan : 012 - 555 7897

PAKET IMUNISASI UMRAM DAN HAJI

IMUNISASI RM145.00 (MENINGITIS)	IMUNISASI TAMBAHAN	UJIAN SARINGAN KESEHATAN HAJI & UMRAM
Untuk jemahat haji berusia 18 TAHUN dan atas. Tarif sajarnah masalah kesihatan.		
Butiran Ujian Makmal <ul style="list-style-type: none"> FUNDIMANOGOKTOR EKG X-RAY <ul style="list-style-type: none"> FULL BLOOD COUNT PERIPHERAL BLOOD FILM URIN FUNCTION TEST PERIODIC TEST <ul style="list-style-type: none"> RESPIR PROFILE URIN UTM URIN PROFILE GLUCOSE ABG & RH GROUP 		
UJIAN SARINGAN KESEHATAN HAJI & UMRAM B		
Untuk jemahat haji berusia 12 TAHUN dan di bawah. Tarif sajarnah masalah kesihatan.		
Butiran Ujian Makmal <ul style="list-style-type: none"> FUNDIMANOGOKTOR EKG X-RAY <ul style="list-style-type: none"> FULL BLOOD COUNT PERIPHERAL BLOOD FILM URIN FUNCTION TEST PERIODIC TEST RESPIR PROFILE URIN UTM URIN PROFILE GLUCOSE ABG & RH GROUP 		
UJIAN SARINGAN KESEHATAN HAJI & UMRAM C		
Untuk jemahat haji berusia 12 TAHUN dan di bawah. Tarif sajarnah masalah kesihatan.		
Butiran Ujian Makmal <ul style="list-style-type: none"> FUNDIMANOGOKTOR EKG X-RAY <ul style="list-style-type: none"> FULL BLOOD COUNT PERIPHERAL BLOOD FILM URIN FUNCTION TEST PERIODIC TEST RESPIR PROFILE URIN UTM URIN PROFILE GLUCOSE ABG & RH GROUP 		

Pusat Perubatan Ar Ridzuan
A-1, GreenTown Suria,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said,
30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan
Tel: 05-242 1111 Fax: 05-241 1110

JOM MENDERMA 2015

PROGRAM DERMA DARAH

HARI **TARIKH** **MASA**

SELASA	31 MAC 2015	9.00 pagi - 4.00 petang
SELASA	28 JULAI 2015	9.00 pagi - 4.00 petang
KHAMIS	29 OKTOBER 2015	9.00 pagi - 4.00 petang

TEMPAT : TINGKAT 1, PUSAT PERUBATAN AR-RIDZUAN

Penyertaan	Untuk Semua Orang Awam
Hubungi Kami	05 242 1111
Anjuran bersama	Pusat Perubatan Ar-Ridzuan & Hospital Raja Permaisuri Bainun

A-1, GreenTown Suria
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan
05-242 1111

VAKSIN HAJI DAN UMRAM

APA ITU INFLUENZA & PNEUMOKOKAL

Influenza dan Pneumokokal adalah virus yang boleh menjangkiti saluran pernafasan dan paru-paru. Ianya boleh menyebabkan sesak nafas serta jangkitan selesema yang serius dan boleh menyebabkan kematian. Cara terbaik untuk menghindari dari jangkitan virus ini adalah dengan mendapatkan

VAKSIN INFLUENZA & VAKSIN PNEUMOKOKAL

IMUNISASI WAJIB

(MENINGITIS)

IMUNISASI TAMBAHAN

Influenza & Pneumokokal